

BIMBINGAN GURU PEMBIMBING TERHADAP GURU PELATIH DALAM LATIHAN MENGAJAR

Jamaluddin Bin Ramli
Ahmad Johari Bin Hj Sihes
Abdul Rahim Bin Hamdan
Muainah Binti Ismail

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
81310, UTM Skudai, Johor

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pelatih terhadap bimbining guru pembimbing semasa sesi latihan mengajar. Lapan puluh orang responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti kursus tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Awam, Elektrik, Jentera dan Kemahiran Hidup), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan keseluruhan guru pelatih telah mendapat bimbining daripada guru pembimbing mereka daripada aspek persediaan mengajar, penyampaian serta penilaian isi pelajaran. Walau bagaimanapun, mereka kurang mendapat bimbining untuk meningkatkan profesionalisme mereka sebagai seorang guru kelak. Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa guru-guru pembimbing yang dilantik telah memainkan peranan mereka sebagai pembimbing kepada guru pelatih. Sungguhpun begitu masih terdapat kelemahan bimbining dari aspek peningkatan profesionalisme.

PENGENALAN

Latihan mengajar telah diterima sejagat sebagai salah satu rancangan yang penting dan perlu dalam program perguruan. Ia merupakan satu siri pengalaman praktik yang sistematik berdasarkan sekolah dengan tujuan membantu guru pelatih menjadi guru yang profesional dan bersepadu. Semasa latihan mengajar guru pelatih ditempatkan di sekolah untuk mempraktikkan teori-teori dan kemahiran mengajar yang diperolehi sepanjang kursus di universiti.

Perubahan yang ketara dari segi personaliti guru pelatih berlaku semasa latihan mengajar. Perubahan dan perkembangan yang berlaku pula adalah dalam suasana yang sebenar iaitu di sekolah dan bukan di dalam kampus. Segala pengalaman dan pengetahuan yang

diperolehi sewaktu latihan mengajar biasanya memberi kesan yang mendalam dan menjadi ingatan sepanjang hayat bagi kebanyakan guru (Abu Hassan & Meor Ibrahim, 1997).

Tidak ada perbalahan di kalangan ahli pendidik akan kepentingan dan nilai latihan mengajar, walau bagaimanapun, perlaksanaannya terus menjadi persoalan yang masih diperdebatkan dan perlu dicari penyelesaiannya. Dalam setiap sesi latihan mengajar yang dilalui, guru pelatih akan diselia oleh pensyarah dan guru pembimbing di sekolah di mana mereka menjalani latihan mengajar. Penyeliaan dan bimbingan yang dilakukan akan dapat membantu bakal guru mempersiapkan diri ke arah seperti yang dikehendaki oleh matlamat pendidikan guru.

Masalahannya ialah sejauhmanakah bakal-bakal guru ini telah dibimbing dan didedahkan dengan situasi peranan guru sama ada sebelum, semasa dan selepas mengajar. Kertas kerja ini akan cuba mernberi penumpuan kepada penyeliaan dan bimbingan yang dilaksanakan oleh guru pembimbing .

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoal-persoalan berikut:

Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar dengan baik?

Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan ?

Sejauhmanakah guru pelatih dibimbing mengenai cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan ?

Adakah guru pembimbing membimbing guru pelatih ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru ?

METODOLOGI

Sampel Kajian

Sampel terdiri daripada 80 orang pelajar tahun 4 kursus sarjana muda teknologi serta pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Mereka telah menjalani 2 kali program latihan mengajar iaitu selama 12 minggu (6 minggu + 6 minggu). Seramai 22 orang lelaki dan 58 orang perempuan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian.

Alat Kajian

Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik yang mengandungi 40 item pernyataan berkenaan persoalan yang dikaji iaitu aspek persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran, penilaian pengajaran dan bimbingan ke arah profesionalisme guru. Responden dikehendaki menyatakan tahap persetujuan mereka kepada setiap pernyataan seperti berikut, 1 – Amat Tidak Setuju, 2 – Tidak Setuju, 3 – Tidak Pasti, 4 – Setuju dan 5 – Sangat Setuju.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Data dianalisa menggunakan peratusan dan min untuk menerangkan respons terhadap item-item dalam persoalan kajian.

Persoalan Kajian 1: Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membimbing guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar dengan baik?

Jadual 1 menunjukkan min dan peratus respons terhadap item dalam aspek bimbingan dan membuat persediaan mengajar. Didapati secara keseluruhannya, guru pelatih mempunyai persepsi yang positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing mereka iaitu 65.4% keseluruhan bersetuju berbanding dengan 26.4% tidak setuju dan hanya 8.2% tidak pasti.

Ini menunjukkan bahawa guru pembimbing telah menjalankan tugasnya dengan baik dalam membantu guru pelatih membuat persediaan mengajar. Kebanyakan mereka menyemak buku persediaan dan berbincang dengan guru pelatih sebelum membuat

penyeliaan dalam kelas. Kedua-dua skop tugas ini mendapat skor tertinggi iaitu min 4.16 (item 7) dan 3.97 (item 12). Di samping itu, guru pembimbing turut membantu memberi tunjuk ajar mengenai cara merancang pengajaran. Bagaimanapun kebanyakan mereka lebih suka memberitahu bila waktu penyeliaan akan dibuat dalam kelas. Walaupun ini merupakan satu kelebihan kepada guru pelatih supaya boleh membuat persediaan pengajaran dengan lebih baik, namun dikhawatiri guru pelatih akan hanya membuat persediaan pengajaran dengan bersungguh-sungguh apabila waktu akan diselia sahaja.

Jadual 1: Peratus dan Min Item Bimbangan Dalam Membuat Persediaan Mengajar

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus						Min	
		S		TP		TS			
		f	%	f	%	f	%		
1	Mengadakan perbincangan sebelum bermulanya sesi penyeliaan pengajaran.	59	73.8	3	3.8	18	22.6	3.71	
2	Memberi tunjuk ajar mengenai cara merancang pengajaran.	66	82.6	4	5.0	10	12.5	3.91	
7	Menyemak buku persediaan mengajar sebelum membuat penyeliaan	54	67.6	7	8.8	19	23.8	4.16	
12	Berbincang dengan guru pelatih sebelum mula sesi pengajaran	49	61.3	12	15.0	19	23.8	3.97	
13	Membiarkan guru pelatih membuat persediaan mengikut cara sendiri	47	58.8	10	12.5	23	28.8	3.41	
15	Membantu merancang dan menyediakan ABM yang terdapat di sekolah	38	47.6	8	10.0	34			
16	Menunjukkan susun atur kawasan sekolah termasuk pejabat dan makmal.	30	37.5	6	7.5	14	17.5	3.67	
17	Memberi maklumat lengkap dan menerangkan perkembangan murid dalam kelas yang akan diajar.	60	75.0	6	7.5	14	17.5	3.67	

18	Berkongsi pengalaman mengenai cara membina hubungan dan mendapat penghormatan daripada pelajar.	54	67.5	6	7.5	20	25.1	3.54
19	Memberitahu mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai guru semasa berada dalam kelas	52	65.0	9	11.3	19	23.8	3.51
40	Memberitahu terlebih dahulu mengenai bila penyeliaan akan dibuat	66	82.5	1	1.3	13	16.3	3.94
Purata Peratus Keseluruhan		65.4		8.2			24.5	3.69

Guru pembimbing turut memberi gambaran mengenai pelajar. Seterusnya membimbng guru pelatih agar dapat memainkan peranan yang sebaiknya terhadap pelajar. Dapatkan daripada aspek ini menunjukkan 75% (item 17) guru pelatih diberi maklumat tentang pelajar, manakala 67.5%

(item 18) daripada mereka dapat berkongsi pengalaman dengan guru pembimbing mengenai cara membina hubungan serta 65% (item 19) mengetahui tanggungjawab dan peranan yang harus dimainkan semasa berada dalam kelas.

Secara keseluruhannya, disimpulkan bahawa guru pelatih dibimbng dalam membuat persediaan mengajar pada tahap sederhana.

Persoalan Kajian 2: Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajarannya dengan baik dan berkesan ?

Jadual 2 menunjukkan peratus dan min respons terhadap item bimbngan guru pembimbing dalam aspek penyampaian pengajaran.

Jadual 2: Peratus dan Min Item Bimbingan Dalam Menyampaikan Isi Pelajaran

ITEM	PERNYATAAN	KEKERAPAN & PERATUS						Min	
		S		TP		TS			
		f	%	f	%	f	%		
3	Membantu menulis objektif pengajaran dengan jelas dan tepat	60	75.0	7	8.8	13	16.3	3.79	
4	Mencadangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tajuk pengajaran	64	80.0	5	6.3	11	13.8	3.76	
5	Memberi galakan supaya menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah mengajar	64	80.0	8	10.0	8	10.1	3.84	
6	Membantu memberi penjelasan mengenai sesuatu teknik pengajaran yang kurang difahami	52	65.0	13	16.3	15	18.8	3.61	
8	Membantu menerapkan nilai mumi dalam pengajaran	50	62.5	8	10.0	22	27.6	3.41	
9	Mendemonstrasikan cara menggunakan ABM yang terdapat di sekolah	26	32.5	9	11.3	45	56.3	2.77	
10	Memberi nasihat dan cadangan mengenai teknik mengurus bilik darjah	59	73.8	4	5.0	17	21.3	3.60	
14	Memberi tunjuk ajar mengenai cara melaksanakan perancangan yang telah dibuat dalam bilik dariah	51	63.8	4	5.0	25	31.3	3.42	
Purata Peratus Keseluruhan		65.7		8.7		25.6		3.55	

Berdasarkan purata keseluruhan, didapati guru pelatih memberi respons positif terhadap bimbingan yang diberikan oleh guru pembimbing mereka ke arah menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan dengan purata peratus setuju ialah 65.7%. hanya 25.6% daripada responden memberi respon negatif terhadap guru pembimbing mereka.

Kebanyakan guru pembimbing menggalakkan penggunaan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah mengajar. Guru pelatih turut dibantu dalam menulis objektif pengajaran dengan jelas dan tepat. Walaupun begitu, hanya segelintir sahaja guru pembimbing membantu mendemonstrasikan ABM yang terdapat disekolah ($\text{min}=2.77$, $\text{setuju}=32.5\%$).

Persoalan Kajian 3: Sejauhmanakah guru pelatih dibimbing mengenai cara membuat penilaian pengajaran yang berkesan ?

Jadual 3 menunjukkan peratus dan min respons terhadap bimbingan mengenai cara membuat penilaian pengajaran. Secara keseluruhannya, sebanyak 69.8% guru pelatih bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan mengenai aspek ini. Ini menunjukkan bahawa guru pembimbing bukan sahaja menitikberatkan aspek persediaan dan penyampaian isi pelajaran, malah turut membimbing dalam membuat penilaian.

Respons positif pada item-item 11, 34 dan 36 dengan peratus setuju yang tinggi masing-masing 72.5%, 70.1% dan 77.6%, menunjukkan bahawa guru pembimbing menitikberatkan penilaian dalam kelas. Penilaian dalam kelas adalah sangat penting kerana guru akan mendapat maklumbalas mengenai tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu pengajaran dan pembelajaran dengan segera. Dengan itu tindakan susulan yang bersesuaian boleh diambil untuk memastikan pembelajaran telah berlaku.

Hasil kajian juga mendapati bahawa guru pembimbing turut melibatkan guru pelatih mengendalikan ujian bulanan dan lain-lain bentuk penilaian iaitu sebanyak 91.3%. selain daripada itu, 76.3% guru pelatih berpuas hati dengan tindakan guru pembimbing yang memberi peluang kepada mereka membina soalan ujian. Bagaimanapun didapati guru pembimbing kurang melibatkan guru pelatih dalam merancang program-program untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Jadual 3: Peratus dan Min Item Bimbingan Mengenai Cara Membuat Penilaian Pengajaran

Item	Pernyataan	Kekerapan & Peratus						Min	
		S		TP		TS			
		f	%	f	%	f	%		
11	Membimbang dalam membina dan melaksanakan teknik soal jawab yang baik.	58	72.5	5	6.3	17	21.3	4.12	
32	Memberi peluang untuk membina soalan ujian bulanan.	61	76.3	2	2.5	17	21.3	3.71	
33	Membantu guru pelatih membina soalan-soalan ujian.	50	62.5	2	2.5	28	35.1	3.39	
34	Mencadangkan soalan- soalan yang boleh dikemukakan untuk menilai pelajar dalam kelas.	56	70.1	6	7.5	18	22.6	3.60	
35	Menyediakan buku kerja untuk mendapatkan soalan bagi menilai pelajar dalam kelas.	46	57.6	7	8.8	27	33.8	3.34	
36	Menggalakkan memberi banyak latihan kepada pelajar untuk menilai kefahaman mereka.	62	77.6	3	3.8	15	18.8	3.77	
37	Berbincang mengenai skima pemarkahan yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemukakan.	45	56.3	7	8.8	28	35.1	3.31	
38	Memberi peluang menanda dan memberi markah ujian pelajar.	73	91.3	1	1.3	6	7.6	4.19	
39	Melibatkan guru pelatih semasa merancang program meningkatkan prestasi akademik pelajar.	42	52.6	5	6.3	33	41.3	3.16	
Purata Peratus Keseluruhan		69.8%		5.6%		24.6%		3.62	

Persoalan Kajian 4: Adakah guru pembimbang membimbang guru pelatih ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru ?

Jadual 4 menunjukkan peratus dan min respons terhadap aspek bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme guru. Secara keseluruhannya, dapatan kajian

menunjukkan respons yang negatif iaitu peratus respon tidak setuju lebih tinggi iaitu 44.6% berbanding peratus setuju sebanyak 43.7%.

Respons negatif pada item-item 20, 21 dan 24 menjelaskan bahawa bimbingan serta pendedahan paling kurang diberikan mengenai fungsi dan perjalanan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru, perkembangan dunia pendidikan serta maklumat mengenai pertubuhan profesional pendidikan yang terdapat di Malaysia. Kebanyakan guru pembimbing lebih memberikan tumpuan kepada peranan guru dalam tugas mengajar harian seperti melaksanakan dan mematuhi etika perguruan, menekankan perlunya guru menepati masa serta menunjukkan kebaikan dan kepuasan bekerja sebagai guru (item 22, 25 dan 23).

Jadual 4: Peratus dan Min Item Bimbingan Ke Arah Meningkatkan Profesionalisme Guru

Ite m	Pernyataan	Kekerapan & Peratus						Min	
		S		TP		TS			
		f	%	f	%	f	%		
20	Menggalakkan guru pelatih supaya menghadiri mesyuarat PIBG.	28	35.0	11	13.8	41	51.3	2.77	
21	Berbincang mengenai perkembangan dunia pendidikan masa kini	26	32.6	12	15.0	42	52.3	2.71	
22	Menasihati guru pelatih agar melaksanakan dan mematuhi etika profesi perguruan.	47	58.8	9	11.3	24	30.0	3.37	
23	Sering menunjukkan kebaikan dan kepuasan kerja.	54	67.5	12	15.0	14	17.6	3.64	
24	Menggalakkan supaya membaca bahan bacaan daripada pelbagai badan profesional.	21	26.3	10	12.5	49	61.3	2.59	
25	Mengingatkan mengenai pentingnya menepati masa.	43	53.8	8	10.0	29	36.3	3.23	
26	Memberi peluang mamilih aktiviti ko kurikulum yang diminati.	50	62.6	8	10.0	22	27.5	3.46	
27	Memberitahu peranan dan tanggungjawab guru semasa aktiviti ko kurikulum.	33	41.3	8	10.0	39	48.8	2.90	
28	Merancang bersama kegiatan ko kurikulum.	22	27.5	10	12.5	48	60.0	2.65	
29	Membantu melaksanakan kegiatan ko kurikulum.	32	40.0	10	12.5	38	47.5	2.92	
30	Memberi peluang menilai kegiatan ko kurikulum.	33	41.3	8	10.0	39	48.8	2.90	
31	Kadangkala memberi tanggungjawab sepenuhnya mengendalikan kegiatan ko	29	36.3	5	6.3	46	57.5	2.75	

	kurikulum.				
Purata Peratus Keseluruhan	43.7%	11.7%	44.6%	2.99	

Kesimpulannya, bolehlah dirumuskan bahawa guru pembimbing kurang menitikberatkan aspek peningkatan profesionalisme dalam bimbingan mereka terhadap guru pelatih. Guru pembimbing merupakan model kepada guru pelatih. Jika mereka inginkan guru pelatih bersikap profesional, membuat refleksi dan menilai diri sendiri, maka guru pembimbing perlu menunjukkan sikap yang sama.

Berdasarkan Jadual 5, didapati ketiga-tiga aspek pengajaran dan pembelajaran lebih diberi perhatian berbanding aspek peningkatan profesionalisme perguruan. Min bagi ketiga-tiga aspek ini, bagaimanapun menunjukkan bimbingan yang diberikan berada pada tahap sederhana. Manakala aspek peningkatan profesionalisme perguruan paling kurang diberi bimbingan oleh guru pembimbing iaitu dengan min 2.99 yang berada pada tahap lemah.

Jadual 5: Taburan Peratusan Dan Min Keseluruhan Mengikut Persoalan Kajian

Persoalan	Peratus (%)			Min
	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	
1. Bimbingan dalam membuat persediaan mengajar dengan baik.	65.4	8.2	24.5	3.69
2. Bimbingan dalam menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan.	65.7	8.7	25.6	3.53
3. Bimbingan mengenai cara membuat penilaian berkesan.	69.8	5.6	24.6	3.62
4. Bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme guru.	43.7	11.7	44.6	2.99

KESIMPULAN

Peranan yang dimainkan oleh guru pembimbing dalam program latihan mengajar amat besar dan penting kerana pengaruh mereka yang kuat terhadap guru pelatih. Mereka dianggap pakar oleh guru pelatih dan menjadi rol model dalam pembentukan personaliti guru pelatih sebagai seorang guru.

Sesuatu profesi itu akan dihormati dan dihargai jika ahlinya menjalankan tugas dan peranan mereka dengan rasa penuh tanggungjawab dan berakauntabiliti. Selain tugas dalam pengajaran dan pembelajaran, guru sebenarnya mempunyai banyak peranan lain seperti pentadbiran dan kebijakan yang perlu dimainkan di sekolah, di mana peranan dan tugas tersebut tidak semuanya diajar atau boleh diperolehi semasa pengajian di universiti. Maka peranan guru bembimbing di sini amat penting, bukan sekadar tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja, tetapi perlu membantu guru pelatih menjadi seorang guru yang profesional. Aspek profesionalisme ini dapat membantu guru dalam mengharungi cabaran yang semakin hebat dalam dunia pendidikan dan juga jatidiri sebagai seorang guru.

RUJUKAN

Abu Hassan Kasim dan Meor Ibrahim Kamaruddin. (1997). Latihan mengajar: Apakah Persediaan Guru Pelatih. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Noor Azlan Ahmad Zanzali (1997). Profesionalisme Dan Keprofesionalan Perguruan Dalam Konteks Latihan Mengajar. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. 3. 69 – 83.